

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Projek Pemeraksanaan Komuniti 2025 santuni 325 pelajar B40 di Miri
Date : 23 September 2025
Section : Tempatan
Page : 4



Projek Pemeraksanaan Komuniti 2025 santuni 325 pelajar B40 di Miri

MIRI: Seramai 325 pelajar daripada keluarga B40 dari 10 sekolah di sini kelmarin menerima manfaat bantuan pendidikan hasil inisiatif Projek Pemeraksanaan Komuniti 2025 anjuran Kelab Lions Batu Niah dengan kerjasama OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Para penerima terdiri daripada pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lutong, SMK Pujut, SMK Riam, SMK Merbau, SMK Luak, SMK Taman Tunku, SMK Chung Hua, SMK Baru, SMK Lopeng Tengah dan SMK Dato Permaisuri.

Pengurus Kanan OCBC Bank Cawangan Miri Lawrence Liew Chiah Hun berkata, nilai keseluruhan projek itu mencecah RM30,000

termasuk bantuan berupa kalkulator saintifik dan lain-lain yang bertujuan meningkatkan pencapaian akademik, selain memperkukuh kelestarian melalui penanaman pokok di kawasan sekolah.

Menurut beliau, pihaknya komited membantu komuniti setempat melalui tiga teras platform #OCBCCares iaitu pendidikan, alam sekitar dan kesihatan.

“Kami mahu menjadi bank yang bukan sahaja menyokong pelanggan tetapi juga memperkasakan komuniti di sekeliling kami untuk mencapai aspirasi mereka.

“Melalui program ‘Aided to Aspire’, kami berbesar hati memberi peluang kepada pelajar meningkatkan pem-

belajaran mereka di samping memastikan kelestarian alam sekitar,” katanya.

Selain sumbangan kalkulator, OCBC Bank turut mengadakan sesi literasi kewangan untuk mendidik pelajar mengurus wang sejak awal usia bagi menjamin pengurusan kewangan lebih baik pada masa depan.

Sementara itu, Pengetua SMK Baru Miri Wong Kung Kui dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada OCBC Bank dan Kelab Lions Batu Niah kerana menjadi pemangkin projek berimpak besar itu.

Beliau turut mengetengahkan Projek Kelapa Pandan bernilai RM3,000 yang dilancarkan di sekolah berkenaan, melibatkan penanaman 100 pokok kelapa

pandan oleh pelajar Tingkatan 4 dan 5 aliran Pertanian.

Projek tersebut dijangka menjana pendapatan kepada sekolah selepas dua tahun, sekaligus menjadikan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu sumber pendapatan mampan untuk pelajar.

“Apabila komuniti memberi sokongan kepada sekolah dan sekolah pula menghulurkan tangan kepada komuniti, ia akan mewujudkan ekosistem pembelajaran yang inklusif, kuat dan lestari untuk semua,” tegasnya.

Hadir sama pada majlis penyampaian sumbangan itu kelmarin ialah wakil-wakil OCBC Bank, Kelab Lions Batu Niah serta pegawai pendidikan daerah Miri.



SOKONGAN: Sebahagian daripada pelajar yang menerima bantuan pendidikan menerusi inisiatif CSR Bank OCBC dan Kelab Lions Batu Niah kelmarin.